



13 NOV, 2024

Treler ditinggalkan berkunci sarat arak

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Treler ditinggalkan berkunci sarat arak

Alor Setar: Tinggalkan treler sarat dengan muatan minuman keras seludup di kawasan perindustrian Port Klang, Selangor, sebelum ahli sindiket melarikan diri.

Kegiatan penyeludupan itu berjaya dikesan sepasukan pegawai dari Cawangan Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JDKM) Sungai Petani dengan bantuan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (CÔBRA) pada 8 November lalu.

Pengarah Kastam Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, JDKM Kedah berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan minuman keras tak berkastam bernilai RM281,454 membabitkan cukai sebanyak RM611,097.

Menurutnya, pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap sebuah treler di

kawasan perindustrian di Lebuhraya Lumu, Port Klang, Selangor sebelum menemui sejumlah minuman keras pelbagai jenis dan jenama dipercayai barang larangan dimuatkan di dalam treler itu.

“Selepas menunggu lebih sejam, tiada individu tampil sebagai pemilik treler atau barangan itu.

“Sebanyak 27,336 liter minuman keras pelbagai jenama yang disyaki diseludup dan bir disita,” katanya.

Nor Izah berkata, barangan itu dibawa pulang ke Pejabat Penguatkuasaan Sungai Petani untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati lori treler itu ditinggalkan berkunci dan tiada sebarang dokumen pengimportan ditemui bersama barang yang disita.



13 NOV, 2024

Treler ditinggalkan berkunci sarat arak

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Alor Setar: Tinggalkan treler sarat dengan muatan minuman keras seludup di kawasan perindustrian Port Klang, Selangor, sebelum ahli sindiket melarikan diri. Kegiatan penyeludupan itu berjaya dikesan sepasukan pegawai dari Cawangan Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JDKM) Sungai Petani dengan bantuan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA) pada 8 November lalu. Pengarah Kastam Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, JDKM Kedah berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan minuman keras tak berkastam bernilai RM281,454 membabitkan cukai sebanyak RM611,097.